

MENDIDIK ANAK-ANAK DI ZAMAN MODEN

Azril bin Izham
Muhammad Syukri Amin Harun
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Izham, A., Amin Harun, M. S., & Jasmi, K. A. (2012). Mendidik Anak-Anak Di Zaman Moden in *Prosiding Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 22 September 2012, pp. 1-16. ISBN 978-967-0194-24-0 .

Abstrak

Dalam zaman moden ini, iaitu zaman "21st Century", proses pembesaran kanak-kanak, sejak mereka lahir hingga ke peringkat kedewasaan banyak dipengaruhi oleh persekitaran, bukan lagi hanya oleh ibu bapa dan ahli keluarga lain seperti zaman dahulu. Kini, penggunaan khidmat penjagaan kanak-kanak merupakan suatu yang normal, malahan ada yang terpaksa menggunakan khidmat tersebut hanya beberapa bulan selepas bayi dilahirkan disebabkan oleh keperluan bekerja. Hal ini mewujudkan keperluan garis panduan yang telus untuk menyokong perkembangan minda, fizikal, dan emosi kanak-kanak tersebut. Tanpa sokongan yang baik, perkembangan kemahiran-kemahiran asas seperti kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran bersosial, dan kemahiran membezakan perkara yang betul dan salah akan lambat berkembang dan bagi sesetengah kes yang ekstrem, terencat sama sekali, lalu menghasilkan insan-insan yang kurang bersedia menghadapi cabaran harian hidup. Artikel Mendidik Anak-Anak Di Zaman Moden membincangkan tentang garis panduan yang diperlukan oleh kanak-kanak dari pandangan para penyelidik psikologi dan perkembangan kanak-kanak Barat, dengan penambahan beberapa garis panduan menurut cara hidup seorang muslim. Hal ini penting kerana perbezaan agama utama di Barat merupakan agama Kristian dan atheism, dan dijarakkan lagi oleh perbezaan budaya Barat dengan budaya Timur. Antara psikologi Barat ialah buku *Raising Kids in the 21st Century* oleh Sharon K. Hall dan antara rujukan budaya dan panduan cara hidup Islam ialah buku *Our Children A Practical Guide for Islamic Education* oleh Abdullah M. Abdul-Mu'ti dan *Child Education in Islam* oleh Abdullah Nasih 'Ulwan. Walaupun wujud jurang perbezaan disebabkan oleh perbezaan agama dan budaya, kebanyakan garis panduan mendidik anak-anak secara psikologi sejak dari lahirnya kanak-kanak tersebut tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Hanya pertambahan atau gantian terhadap beberapa aspek sahaja yang diperlukan untuk menyesuaikan cara didikan tersebut dengan cara didikan Islam, dalam membentuk insan yang sempurna akal, fizikal, emosi, dan amalan.

1

MENDIDIK ANAK-ANAK DI ZAMAN MODEN

Azril bin Izham
Muhammad Syukri Amin Harun
Kamarul Azmi Jasmi

Abstrak

Dalam zaman moden ini, iaitu zaman “21st Century”, proses pembesaran kanak-kanak, sejak mereka lahir hingga ke peringkat kedewasaan banyak dipengaruhi oleh persekitaran, bukan lagi hanya oleh ibu bapa dan ahli keluarga lain seperti zaman dahulu. Kini, penggunaan khidmat penjagaan kanak-kanak merupakan suatu yang normal, malahan ada yang terpaksa menggunakan khidmat tersebut hanya beberapa bulan selepas bayi dilahirkan disebabkan oleh keperluan bekerja. Hal ini mewujudkan keperluan garis panduan yang telus untuk menyokong perkembangan minda, fizikal, dan emosi kanak-kanak tersebut. Tanpa sokongan yang baik, perkembangan kemahiran-kemahiran asas seperti kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran bersosial, dan kemahiran membezakan perkara yang betul dan salah akan lambat berkembang dan bagi sesetengah kes yang ekstrem, terencat sama sekali, lalu menghasilkan insan-insan yang kurang bersedia menghadapi cabaran harian hidup. Artikel Mendidik Anak-Anak Di Zaman Moden membincangkan tentang garis panduan yang diperlukan oleh kanak-kanak dari pandangan para penyelidik psikologi dan perkembangan kanak-kanak Barat, dengan penambahan beberapa garis panduan menurut cara hidup seorang muslim. Hal ini penting kerana perbezaan agama utama di Barat merupakan agama Kristian dan atheism, dan dijarakkan lagi oleh perbezaan budaya Barat dengan budaya Timur. Antara

*buku yang telah dijadikan rujukan bagi pandangan penyelidikan psikologi Barat ialah buku *Raising Kids in the 21st Century* oleh Sharon K. Hall dan antara rujukan budaya dan panduan cara hidup Islam ialah buku *Our Children A Practical Guide for Islamic Education* oleh Abdullah M. Abdul-Mu'ti dan *Child Education in Islam* oleh 'Abdullah Nasih 'Ulwan. Walaupun wujud jurang perbezaan disebabkan oleh perbezaan agama dan budaya, kebanyakan garis panduan mendidik anak-anak secara psikologi sejak dari lahirnya kanak-kanak tersebut tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Hanya pertambahan atau gantian terhadap beberapa aspek sahaja yang diperlukan untuk menyesuaikan cara didikan tersebut dengan cara didikan Islam, dalam membentuk insan yang sempurna akal, fizikal, emosi, dan amalan.*

PENGENALAN

Anak-anak merupakan asset terpenting bagi sesebuah keluarga. Mereka merupakan amanah yang dianugerahkan oleh Tuhan kepada hampir setiap pasangan yang berumahtangga. Mereka ini bagaikan kain putih yang dicorakkan oleh ibu bapa mereka. Oleh sebab itu, merupakan tanggungjawab ibu bapa untuk mendidik anak-anak ke arah menjadi insan yang berguna dan mulia, lebih-lebih lagi dalam zaman moden yang penuh dengan pengaruh-pengaruh yang boleh merosakkan nilai pemikiran mereka. Kanak-kanak boleh diibaratkan sebagai span yang menyerap isi-isi persekitaran dengan mudah. Persekitaran memainkan peranan yang amat besar dalam perkembangan minda mereka serta pembentukan corak hidup yang akan lanjut ke alam kedewasaan. Dalam hal ini, ibu bapa dan orang terdekat seperti ahli keluarga yang lain dan juga pengasuh memberi impak yang amat besar. Islam sendiri mempunyai garis panduan yang khusus dalam didikan anak-anak. Walaupun banyak penerapan cara didikan dari Barat diasimilasikan dalam cara mendidik kanak-kanak pada zaman kini, adakah cara-cara tersebut sejajar dengan cara yang dianjurkan oleh Islam. Hal ini menjadi lebih penting dalam zaman kini yang

penuh dengan pengaruh Barat yang terpesong dari didikan anak-anak yang telus.

Perbincangan mengenai aspek didikan anak-anak ini boleh dilihat dalam empat perkara iaitu mendidik anak-anak di zaman moden, perkembangan minda, perkembangan kognitif di luar rumah dan anak-anak dalam keluarga.

MENDIDIK ANAK-ANAK DI ZAMAN MODEN

Tugas mendidik anak menjadi tanggungjawab bagi setiap ibu bapa. Namun demikian, tugas mendidik anak agar menjadi insan berguna saban hari mungkin menjadi perkara yang sukar bagi sesetengah ibu bapa, ditambah pula jika anak itu telah mengetahui lingkungan dan keadaan tempat sekitarnya. Anak-anak di awal usia lazimnya amat mudah mengikuti perkembangan sekitarnya, cara percakapan, dan perbezaan mentaliti yang sangat mudah dicerna dalam pemikiran walaupun pada hakikatnya mereka belum berupaya berinteraksi sepenuhnya dengan suasana persekitaran.

Pelbagai kaedah mendidik dapat diterapkan oleh ibu bapa kepada anak-anak khususnya dalam aspek pergaulan seharian dimana ianya amat penting dalam membantu meningkatkan keyakinan diri dalam bergaul dan bersosial setiap hari. Salah satu darinya adalah kebolehan bersosial. Ianya adalah penting dan harus diterapkan dari seawal usia lagi agar berguna untuk diaplikasikan pada masa hadapan. Menjadi tugas ibu bapa dalam mendidik anak-anak menjalani perkembangan yang sihat, juga disebut dengan istilah “scaffolding” atau dengan erti kata lain sokongan terhadap pembelajaran anak-anak. Kebanyakan ibu bapa menyayangi anak mereka dengan setelusnya, umpama *menatang minyak yang penuh*. Namun, dengan mencurahkan kasih sayang semata-mata tidak mungkin akan dapat menjadikan anak-anak seorang insan yang berbakti, justeru usaha-usaha lain harus ditimbal kembali dan diambil kira.

Seperti kebiasaan dalam mendidik anak-anak, faktor yang menyumbang kepada kesulitan bagi ibu bapa adalah perangai anak itu sendiri. Dari peringkat usia yang muda lagi, anak diasuh agar menjaga kebersihan diri, makan pada waktunya begitu juga waktu solat. Di sisi islam, dianjurkan mendidik anak solat seawal usia 7 tahun lagi. Dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w. bersabda (Abu Dawud, 1994: 418):

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ مَرُوا
 أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ
 عَشْرٍ وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ .

Maksud: 'Amru bin Shu 'aib daripada bapanya daripada datuknya bahawa dia berkata, "Rasulullah s.a.w. bersabda, "perintahkanlah anak-anak kamu supaya mendirikan solat ketika berusia tujuh tahun dan pukullah mereka kerana meninggalkan solat ketika berumur sepuluh tahun dan asingkanlah tempat tidur di antara mereka (lelaki dan perempuan)."

(Abu Dawud)

Dari hadis yang diriwayatkan, jelaslah solat merupakan perkara terpenting yang perlu dipantau oleh ibu bapa. Solat dapat mendidik anak-anak untuk sentiasa melakukan perkara baik dan menjauhi perkara mungkar. Apabila anak-anak telah diterapkan dengan nilai-nilai murni seperti menghormati orang tua dan berbudi pekerti luhur, sudah pasti segala apa yang diangan-angankan oleh ibu bapa akan menjadi realiti. Insan yang berguna ialah insan yang tahu nilai diri dan estetika. Jadi apabila benteng pertahanan diri mereka sudah cukup teguh, segala apa yang dirancang pasti menjadi nyata. Pukul pula bukanlah bererti untuk menyeksa, sekadar untuk menggerunkan. Elakkan memukul anak di bahagian sensitif contohnya di kawasan muka.

Setiap kanak-kanak berbeza dari segi perangai juga karakter atau keperibadian yang pelbagai. Mereka secara psikologi, iaitu kebiasaannya dikatakan lebih cenderung untuk rasa selesa dan mudah tertarik kepada suasana persekitaran. Dalam mendidik anak-anak, terdapat dua perkara utama yang harus diambil kira iaitu “perangai” dan “kawalan diri” mereka itu sendiri. Kawalan diri atau dalam erti lain “*self-regulation*” iaitu punyai daya pengawalan diri hasil dari latihan kawalan tumpuan yang baik. Mendidik anak perlulah mengikut kesesuaian berdasarkan pemerhatian perangai yang dimiliki mereka. Ibu bapa tidak perlu memanjakan anak-anak sehingga mereka merasakan bahawa diri seperti anak emas dalam keluarga, ibu bapa boleh menuruti regekkkan dan permintaan anak-anak. Namun, ibu bapa harus berpada-pada, sedikit penegasan perlu diberikan. Hal ini bertujuan mengelakkan anak-anak menjadi manja dan besar kepala. Sebagai contoh, seorang ibu yang tegas perlulah merendahkan suara dalam menangani karenah anak, terutama yang aktif dan cergas begitu juga dengan cara menangani anak yang kurang berminat dan kurang aktif, si ibu seharusnya lebih bertegas dengan cara meninggikan sedikit suara dari biasa untuk merangsang minat mereka kepada persekitaran.

PERKEMBANGAN MINDA

Seseorang kanak-kanak mempunyai minda yang sangat aktif berkembang, dan mampu mencerap serta menganalisa pelbagai maklumat untuk digunakan sebagai panduan menjadi seorang manusia yang normal. Perkembangan tersebut bergantung kepada interaksi kanak-kanak tersebut dengan persekitarannya dan cara maklumat yang dicerap dianalisa. “*Good Psychological health is promoted when children have a solid beginning in their first learning environments*” (Hall, 2008: 12). Pernyataan tersebut membawa maksud perkembangan pemikiran kanak-kanak bermula sejak mereka lahir,

dan mereka memerlukan interaksi dengan orang dewasa secara serta-merta untuk menggalakkan perkembangan kesedaran dan sosial.

Lazimnya, stimulasi berbentuk permainan, buku, musik, sentuhan, pendedahan kepada orang dewasa, dan suara merupakan contoh-contoh stimulasi yang sesuai. Namun, penekanan oleh ibu bapa sering dilakukan ke arah menjadikan anak-anak mereka pandai semata-mata, lalu boleh meletakkan tekanan terhadap mereka. Sebaliknya, pendedahan tersebut patut diletakkan penekanan terhadap perkembangan keselesaan dan minat anak-anak, serta pendedahan awal terhadap konsep keislaman.

Dari segi keperluan fizikal kanak-kanak pula, mereka memerlukan makanan, kehangatan, dan keselesaan. Dengan sempurnanya keperluan-keperluan tersebut, kanak-kanak akan mengalami tekanan yang kurang, bermaksud perkembangan minda yang lebih baik. Hal ini juga melibatkan interaksi dengan orang dewasa secara fizikal, kognisi, dan sosio-emosi. Penglibatan orang dewasa dalam permainan kanak-kanak juga boleh membantu perkembangan kesedaran mereka. Sebagai contoh, seorang dewasa mungkin perlu mengambil dan memberi permainan yang dicampak oleh kanak-kanak secara berulang kali. Permainan ini dikaitkan oleh para penyelidik psikologi kanak-kanak sebagai salah satu cara kanak-kanak meneroka dunia sekeliling mereka (Hall, 2008).

Perkembangan kanak-kanak menerusi penerokaan dunia sekeliling mereka boleh dirumuskan kepada beberapa kemahiran yang dikuasai seperti (Hall, 2008):

1. Fokus secara visual
2. Perhatian
3. Kemahiran bergerak (*gross motor movement*)
4. Stimulasi minat/keinginan
5. Pengenalan terhadap perkara yang dingini
6. Keseronokan yang baru
7. Ketekunan fokus

8. Koordinasi visual, sentuhan, dan pergerakan motor (*motor behaviors*)
9. Koordinasi jari-jari yang berlainan
10. Pra-bahasa untuk menarik perhatian penjaga

Sepuluh perkara ini adalah aspek kemahiran yang dilalui oleh kanak-kanak dalam perkembangan mereka di peringkat kanak-kanak.

Emosi sebagai bahasa

Kanak-kanak menggunakan emosi sebagai bahasa untuk menyampaikan keinginan atau keperluan mereka. Oleh itu, merupakan tanggungjawab penjaga untuk memberi perhatian terhadap panggilan secara emosi tersebut. Hal ini juga berkait rapat dengan stimulasi kemahiran kognisi kanak-kanak, dan orang-orang yang terlibat merupakan ibu bapa, adik-beradik yang lebih tua, saudara-mara, dan juga penjaga. Bagi kanak-kanak dalam lingkungan umur enam hingga lapan bulan pula, mereka menjadikan penjaga sebagai asas-keselamatan untuk melakukan penerokaan dunia dan hal ini boleh dilihat seperti apabila kanak-kanak menangis jika ditinggalkan oleh penjaga mereka. Dalam menangani situasi ini, para penjaga boleh menenangkan mereka dengan cara lisan atau fizikal, memastikan mereka yakin bahawa asas-keselamatan mereka masih wujud jika diperlukan.

Penjaga atau orang dewasa di sekeliling kanak-kanak merupakan contoh bagi mereka untuk ditiru, dan berkuasa membentuk persepsi batasan dalam hidup, dan paling ketara bagi kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan 2 hingga 4 tahun. Dalam membentuk tabiat mereka, ganjaran dan hukuman boleh digunakan, tetapi hendaklah bersesuaian dengan umur. Untuk melatih fokus mereka pula, permainan perkataan dan pembacaan buku boleh digunakan sebagai stimulasi pembentukan tabiat. Pendedahan terhadap bahasa dan permainan kata-kata merupakan aktiviti yang lazimnya mampu menarik minat mereka disebabkan oleh pendedahan kepada perkara

baru dan pendedahan awal terhadap nilai-nilai murni yang dianjurkan Islam boleh diterapkan melalui pembacaan cerita-cerita dari al-Quran sendiri.

Allah Says, (We Relate the best stories to you in this revealed Qur'an.) (Yusuf: 3) Explaining the reason behind this revelation, Ibn Jareer narrated that Ibn 'Abbass related, " They (the Companions) said: Oh, Messenger of Allah, would you tell us some stories? Then the verse of "We Relate the best stories to you" was revealed. They wanted mere stories but he brought them the best ones.

(Abdullah M. Abdul-Mu'ti; Reda Bedeir, 2002: 70)

Antara cerita-cerita yang boleh dibacakan kepada kanak-kanak termasuk cerita-cerita tentang orang alim, cerita-cerita tentang para pemimpin, dan cerita-cerita berkaitan nilai-nilai murni menurut Islam. Manakala waktu-waktu yang sesuai untuk pembacaan cerita ialah apabila diminta diceritakan atau sebelum tidur. Selain itu, digalakkan juga dibacakan cerita-cerita yang berkaitan dalam sebarang situasi yang mampu membentuk peribadi mereka seperti penyelesaian masalah atau penilaian sesuatu perkara yang berlaku di persekitaran mereka.

PERKEMBANGAN KOGNITIF DI LUAR RUMAH

Adakah perkembangan minda kanak-kanak berakhir di rumah sahaja, atau berterusan di mana sahaja mereka berada? Penjagaan kanak-kanak pada zaman moden ini sering kali melibatkan ibu bapa yang bekerja pada siang hari dan memerlukan khidmat penjagaan kanak-kanak pada waktu tersebut. Penjagaan di luar rumah yang lazim berlaku termasuk oleh individu persendirian atau pusat penjagaan kanak-kanak yang formal. Hal ini menyebabkan pendedahan kanak-kanak terhadap pengaruh persekitaran tempat penjagaan tersebut. Oleh itu, untuk membentuk perkembangan minda kanak-kanak

yang baik, perbincangan tentang tempat penjagaan kanak-kanak selain di rumah oleh ibu bapa perlu diberi perhatian.

Dalam lingkungan umur 5-6 tahun, kanak-kanak mula terdedah kepada persekitaran sekolah, kawasan kejiranan, dan pusat rekreasi. Selain itu, terdapat juga program-program komuniti yang dijalankan di taman-taman permainan, program-program sukan, serta program-program anjuran organisasi-organisasi tertentu. Kanak-kanak ini mungkin dijaga di rumah oleh ibu bapa, saudara, atau penjaga yang diupah, atau di rumah persendirian atau agensi penjagaan formal. Selain itu, terdapat juga pilihan tambahan seperti pra-sekolah persendirian, atau pra-tadika. Sebagai penjaga yang bertanggungjawab, pemilihan tempat penjagaan kanak-kanak hendaklah berkualiti dan mampu membantu perkembangan minda kanak-kanak tersebut. Antara perkara yang boleh dilakukan ialah (Hall, 2008):

- (1) Meneliti tahap aktiviti dan stimulasi keselesaan kanak-kanak
- (2) Melawat pusat jagaan tersebut dan menemubual para pekerja
- (3) Memastikan kualiti pusat jagaan, termasuk mengetahui jumlah kanak-kanak bawah jagaan pusat jagaan tersebut
- (4) Mengikuti perkembangan minda kanak-kanak dengan berbincang dengan pekerja pusat jagaan

Para penjaga juga patut memastikan pekerja pusat jagaan yang dipilih mematuhi peraturan keselamatan, dan mengamalkan nilai keislaman. Seperti yang telah disebut, kanak-kanak menjadikan orang dewasa di sekeliling mereka sebagai model, maka wujudlah peluang pendedahan awal pendidikan agama Islam menerusi permodelan pekerja pusat jagaan yang menuruti tuntutan agama Islam seperti bersolat, dan lebih baik lagi jika diajar untuk bersolat secara berjemaah. Hal ini berdasarkan tuntutan daripada beberapa hadis Abu Dawud sebelum ini.

Persekolahan yang berkesan

Seterusnya, kanak-kanak akan menjejaki alam persekolahan dan kejayaan mereka berkait rapat dengan perkembangan awal hidup mereka.

Good cognitive and social stimulation in the home and in the childcare provides many building blocks for later development in children. Those children with solid backgrounds in early childhood education skills will achieve in school.

(Hall, 2008)

Di persekitaran persekolahan juga, perkembangan minda kanak-kanak hendaklah disokong oleh struktur sistem pendidikan yang betul. Menurut James Comer, seorang ahli psikiatri dan profesor di Yale University, sebuah sekolah yang efektif hendaklah memberi penekanan kepada beberapa perkara:

- (1) Fokus kepada perkembangan kanak-kanak, secara fizikal dan psikologikal
- (2) Fokus kepada perkembangan pekerja yang menjadi para pengajar dan model kepada kanak-kanak
- (3) Kewujudan perkembangan komuniti, di mana golongan penjaga saling berinteraksi dengan para pekerja (golongan pendidik)

Selain itu, kanak-kanak patut didedahkan kepada konsep pembelajaran seumur hidup dan ganjarannya. Pada umur 11-12 tahun, mereka sudah mampu memiliki pemikiran abstrak, iaitu berfikir menggunakan perkataan dan nombor secara hipotesis, dan mampu melakukan meta-kognisi, iaitu pemikiran tentang cara berfikir. Kedua-dua kemahiran ini amat berguna dalam menyelesaikan masalah harian dan dilatih di peringkat sekolah rendah.

Apabila menjejaki alam persekolahan menengah, mereka mampu fokus kepada lebih daripada satu masalah pada satu masa, menilai perspektif orang lain, mengurus dan menghafal informasi

yang banyak (tanda perkembangan pemikiran kritikal), dan terlibat dengan lebih banyak orang, iaitu guru-guru dan rakan-rakan. Hal ini membantu membentuk kemahiran bersosial yang baik. Di sekolah menengah juga, mereka digalakkan menyertai ko-kurikulum seperti bersukan. Lazimnya minat terhadap aktiviti-aktiviti tersebut timbul secara sendiri disebabkan oleh keseronokan bersosial dan pembelajaran tentang diri dalam galakan orang dewasa. Namun, penyertaan secara berlebihan yang mampu mengganggu perkembangan minda dan kognitif yang lain hendaklah dihindarkan dan batasan bersosial hendaklah diwujudkan oleh tenaga pengajar yang terlibat.

Perkara penting yang perlu diberi perhatian ialah cara orang dewasa menghadapi kegagalan seperti kekalahan suatu pertandingan menjadi model bagi mereka untuk ditiru. Oleh itu, para pengajar yang terlibat hendaklah menerapkan nilai-nilai murni ketika menjalankan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum bersama-sama pelajar.

Pengaruh media

Pengaruh media massa seperti televisyen, radio, dan sumber bacaan boleh berunsur positif, negatif, mahupun bercanggah dengan peraturan agama Islam. Pada zaman kini, terlalu banyak program-program media yang menjurus ke arah pengaruh yang buruk dan menjadi tanggungjawab para penjaga untuk menapis program-program tersebut daripada terdedah langsung kepada kanak-kanak. Kanak-kanak lebih banyak terdedah kepada unsur keganasan. Tidak kita sedar bahawa kebanyakan cerita kartun yang dipertonton kepada anak-anak di dunia global ini mempunyai unsur-unsur ganas. Keganasan di televisyen adalah terlalu banyak berbanding dengan dunia realiti kerana televesyen dapat menyediakan adegan-adegan bunuh, pukul memukul, menembak, menampar, menjerit dan sebagainya yang boleh diistilahkan sebagai perlakuan ganas. Unsur ini jika tidak dibendung mendatangkan mudarat yang besar kepada emosi kanak-kanak dalam kehidupan. Ada juga bila ibu menyuruh si anak melakukan apa-apa kerja, lalu si anak naik angin

dan berkata “*kalau ibu suruh lagi, adik pukul ibu* “. Bukannya itu satu pembentukan sahsiah yang buruk dan tidak sepatutnya berlaku. Sebaliknya, mereka boleh didedahkan kepada program-program di televisyen yang direka khusus untuk didikan kanak-kanak, samada didikan duniawi mahupun didikan agama. Pembelajaran pembacaan al-Quran juga patut dimulakan dari seawal usia yang muda untuk melatih dan memupuk tabiat pembacaan al-Quran.

Dalam usaha penapisan pengaruh media yang negatif, beberapa panduan yang boleh digunapakai ialah (Hall, 2008):

- (1) Pembelajaran dan hiburan diseimbangkan dalam kesederhanaan
- (2) Perhatian diberikan kepada kandungan media yang ditunjukkan
- (3) Mengubah media yang ditunjukkan atau menjauhkan kanak-kanak jika tidak bersesuaian
- (4) Menerangkan tentang media negative jika kanak-kanak sudah terdedah
- (5) Menjadi model penapisan kepada mereka, iaitu mereka mampu menapis sendiri jenis media yang negatif

Kadangkala, terdapat orang di persekitaran yang mendedahkan pengaruh media negatif ini kepada kanak-kanak seperti jiran, saudara, atau orang awam. Walaupun kuasa mengubah perlakuan orang dewasa lain tiada, para penjaga masih bertanggungjawab untuk menegur mereka. Penapisan pergaulan sosial bebas juga patut diberi perhatian untuk mengelakkan berlakunya maksiat dan membentuk idea batasan sosial dalam kehidupan dalam pemikiran kanak-kanak.

Selain itu, dalam zaman yang didominasi rangkaian komputer ini, pengawasan pergaulan mereka di laman-laman web sosial merupakan suatu isu yang semakin memerlukan perhatian khusus para penjaga. Mereka ini terdedah secara terus kepada pengaruh dari seluruh dunia, yang baik mahupun yang buruk. Bagi para penjaga yang kurang mahir menggunakan computer, mereka patut mencari nasihat dari golongan yang mahir dalam mengawasi

pergaulan kanak-kanak jagaan mereka di internet, dan menasihati serta melatih mereka supaya menjaga butiran peribadi dengan cara yang betul. Namun begitu, dengan cara yang betul, jaringan sosial komputer boleh digunakan dengan cara yang positif, memupuk keperibadian kanak-kanak yang baik, serta digunakan untuk beribadah.

ANAK-ANAK DALAM KELUARGA

Semua manusia ingin tergolong dalam sesuatu komuniti atau kumpulan yang bersesuaian dengan peribadi atau minat masing-masing. Perkara ini berlaku disebabkan oleh keinginan untuk tidak keseorangan yang wujud sejak lahir. Bagi anak-anak, keluarga merupakan kumpulan sosial terdekat dan paling boleh dipercayai dalam hidup mereka. Oleh itu tidak hairanlah jika rasa tergolong dalam keluarga samada dari segi pergaulan mahupun aktiviti merupakan suatu aspek yang penting dalam proses perkembangan minda mereka. Dalam hal ini, respons memberi dan menerima merupakan suatu proses yang berkesan dalam memupuk suasana tergolong dalam keluarga dan merupakan tanda-tanda awal sifat bertanggungjawab dan hubungan sosial yang positif pada masa hadapan.

Antara kemahiran sosial yang terlibat dalam perkembangan ini termasuk penaakulan dalam membuat pilihan dan kompromi untuk menyelesaikan masalah. Strategi yang boleh digunakan untuk melatih kemahiran ini ialah "*induction*" iaitu penggunaan disiplin dalam penaakulan tentang harapan ahli keluarga dan menerangkan kesan daripada sebarang perlakuan (Hall, 2008).

Dalam membincangkan hal ini, golongan ibu bapa juga perlu mempunyai kemahiran mengurus struktur perkembangan keluarga. Kanak-kanak memerlukan kasih sayang ibu bapa dan ibu bapa perlu meletakkan harapan pada peringkat yang berpatutan terhadap anak-anak. Hal ini adalah untuk membentuk emosi anak-anak yang normal di samping melatih mereka untuk menghadapi cabaran hidup pada masa hadapan.

Hukuman

Hukuman terhadap anak-anak atas kesalahan yang mereka lakukan adalah salah satu perkara yang biasa dalam rutin didikan anak-anak, tetapi jenis hukuman berbeza bergantung kepada budaya, bangsa, dan agama. Sebagai contoh, di negara-negara Barat, hukuman yang berbentuk fizikal adalah amat kurang, tetapi masih wujud kes-kes penderaan. Sesetengah kes-kes penderaan tersebut bermula sebagai hukuman fizikal ringan untuk menghukum kesalahan anak-anak tetapi ada yang berlanjutan hingga menjadi suatu penderaan yang melampau. Manakala di negara-negara Timur, hukuman fizikal lebih banyak diamalkan, disebabkan oleh batasan sosial dan harian yang lebih tegas. Dalam agama Islam sekalipun, seperti yang telah disebut, hukuman memukul anak yang enggan menunaikan solat dibenarkan tetapi tidak dibenarkan sehingga keterlaluan hingga memudaratkan kanak-kanak tersebut.

Untuk menjadi ibu bapa yang menyokong perkembangan keinginan rasa tergolong anak-anak, garis panduan yang boleh dijadikan rujukan ialah (Hall, 2008):

- (1) Pembatasan hidup anak-anak diseimbangi dengan kebebasan mereka seperti kebebasan memilih menurut kesesuaian umur.
- (2) Garis panduan perlakuan adalah jelas dan mereka diberi bimbingan
- (3) Wujud perbincangan tentang membuat pilihan dan jenis hukuman
- (4) Hukuman yang dilakukan bersesuaian dengan kesalahan yang dilakukan
- (5) Memuji dan menyokong perlakuan baik anak-anak
- (6) Tidak melibatkan kanak-kanak dalam masalah rumah tangga
- (7) Masalah harian anak-anak dibincang dan diselesaikan bersama

Ibu bapa perlu sentiasa sedar bahawa setiap perlakuan mereka merupakan contoh perlakuan yang akan ditiru oleh anak-anak. Oleh itu, ibu bapa sendiri wajib mengamalkan nilai-nilai hidup yang murni dalam proses mendidik peribadi anak-anak.

Selain itu, anak-anak boleh diberikan tugas harian seperti membersihkan pinggan atau menyidai pakaian, dengan mesej kerja yang banyak akan menjadi sedikit jika dikongsi bersama. Cara ini juga merupakan salah satu cara untuk mendisiplinkan mereka di samping melibatkan mereka dalam pengurusan sesebuah keluarga. Seajar unjuran Islam, cara ini dapat melatih kepatuhan anak-anak terhadap ibu bapa, dan melatih mereka untuk menghormati autoriti orang yang lebih dewasa atau yang diberi kuasa seperti pihak polis apabila mereka dewasa (Abdullah M. Abdul-Mu'ti, 2002: 179).

KESIMPULAN

Cara pendidikan anak-anak yang digariskan oleh penyelidik psikologi Barat menjurus ke arah kebaikan kanak-kanak, perkembangan minda, dan melatih kemahiran-kemahiran yang berguna pada masa hadapan kanak-kanak tersebut. Oleh itu, cara-cara didikan tersebut boleh dijadikan panduan untuk keluarga-keluarga yang beragama Islam tetapi dengan sedikit perubahan dalam beberapa aspek. Ibu bapa perlu menerapkan didikan agama Islam sejak usia muda, supaya menjadi tabiat sehingga mereka dewasa. Kanak-kanak boleh didedahkan kepada solat lima waktu dan dibawa ke masjid untuk didedahkan pula kepada solat berjemaah dan bersosial dengan batasan dan anjuran Islam. Dari segi bahan bacaan pula, himpunan cerita-cerita ulama dan nilai-nilai murni Islam boleh dibacakan menggantikan bahan bacaan fantasi yang diamalkan di Barat. Selain daripada itu, perkara-perkara seperti penyokongan perkembangan kognitif, perkembangan sosial berbatas, penapisan dan pembatasan pendedahan media adalah hampir sama dengan anjuran agama Islam. Jika berkemampuan, terapkanlah unsur keagamaan sebagai selingan antara aktiviti-aktiviti duniawi harian kanak-kanak, supaya memupuk minat dan tabiat yang kekal hingga mereka dewasa kelak.

RUJUKAN

- 'Abdullah Nasih 'Ulwan, M. Mahmoud Ghali, M. Kamal Abdul-Ghani, A. Shafik Elkhatib, Ali Ahmad Sha'ban, M. Ash-Shahhat Al-Gindi, Khalifa Ezzat Abu Zeid, Selma Cook. 2004. *Child Education in Islam*. Alexandria: Dar Al-Salam.
- Abdullah M. Abdul-Mu'ti, Dr. Reda Bedeir. 2002. *Our Children A Practical Guide for Islamic Education: Instilling Good Behaviour and Morals into the Next Generation*. Egypt: Islamic Incorporation.
- Abu Dawud, al-Imam Abu Dawud Sulaiman b. al-Ash'ath al-Sajastani (1994). *Sunan Abi Daud*. Jil. 1-2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Child Development. 2012. *Ensiklopedia Britannica*. <http://www.britannica.com/EBchecked/topic/111044/child-development>. (22/12/2012).
- Excel Qhalif. 2011. *Pengaruh Media*. www.excelqhalif.com/2011/deria-anak-anak-dan-pengaruh-televisyen, (22/12/2012).
- Hall, Sharon K. 2008. *Raising Kids in the 21st Century: The Science of Psychological Health for Children*. United Kingdom: John Wiley & Sons, Ltd.
- Mohammad Samiul Haque, Ismail Abdullah. 2007. *Child's Education in Islam*. United Kingdom: Imam Ali Foundation.
- Muhammad Nur ibn 'Abdal-Hafizh Suwayd. 2005. *Acts of Worship*. Egypt: Al-Falah Foundation.
- Muhammad Nur ibn 'Abdal-Hafizh Suwayd. 2005. *Implanting The Creed*. Egypt: Al-Falah Foundation.
- Scribd. 2012. *Perumpamaan*. www.scribd.com/doc/perumpamaan-bahasa-melayu, (22/12/2012).